

~~603 - 222/80~~ 9

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,  
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS  
JAMUAN MAKAN MALAM DENGAN  
AHLI-AHLI PARTI DAN PEGAWAI-  
PEGAWAI KERAJAAN, DI KEDIAMAN  
MENTERI BESAR, KUALA TRENGGANU,  
PADA HARI JUMA'AT 21. 3. 1980,  
JAM 8.30 MALAM.

---

1. Yang Amat Berhormat Dato Haji Wan Mokhtar,  
Menteri Besar Trengganu dan Datin,
- 1a. *y. B. Dato Purba Raja, yang Deputi, Jemaah  
Pangkuan Nagri*
2. Yang Berhormat Tuan Speaker,
3. Yang Berhormat Dato Manan Othman,  
Menteri Perusahaan Awam, *dan Datin*
- ~~Yang Berhormat Dato Abdullah bin Abdul Rahman,  
Timbalan Menteri Undang-Undang,~~
4. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Kerja Kerajaan,
5. Ahli-Ahli Yang Berhormat,
6. *y. B. Dato Mustapha Jabbar  
Ketua-Ketua Jabatan, dan*
7. *Setiapusaha Agung UMNO.*
8. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

*G.A. Ketua<sup>2</sup> dan  
Ahli<sup>2</sup> UMNO, MCA  
dan MIC.*

*G.B. yang Berbalgis  
wakil<sup>2</sup>.*

*(a) Persatuan  
Tani Tega  
Roda*

*(b) Persatuan  
Peceri*

*(c) Persatuan  
Perniaga<sup>2</sup>  
Kechol.*

Saya bersyukur kehadiran Allah

Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah

2.

rahmat dan izinNYA, dapat saya melakukan lawatan ~~resmi~~ ke Negeri Trengganu. ~~pada hari ini.~~

2. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih, serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Kerajaan Negeri Trengganu, terutamanya kepada Menteri Besar, Dato Haji Wan Mokhtar, di atas penghormatan yang diberikan kepada saya dan isteri saya pada malam ini. Saya juga mengambil kesempatan ini, mengucapkan terima kasih serta penghargaan kepada rakyat Kuala Trengganu dan Kemaman khususnya, kerana ~~keluar beramai-ramai~~ mengalu-alukan kedatangan

... 3/-

3.

saya berdua. Saya sungguh merasa terharu dengan sambutan yang *mesra itu.* ~~bagitu meriah. Sesungguhnya, kesemuanya ini menjadi kenangan manis kepada saya.~~

3. Sungguhpun baru kali ini saya dapat melakukan lawatan ~~resmi~~ ke Negeri Trengganu sejak *Pilihanraya yang lalu,* ~~saya menjadi Perdana Menteri,~~ saya sentiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan negeri ini. Kebajikan serta kepentingan rakyat Trengganu, memang sentiasa dalam ingatan dan perhatian saya.

...4/-

4.

4. Memang banyak perubahan yang telah berlaku dalam negeri Trengganu dalam masa sepuluh tahun ini. Saya difahamkan *Kasar* (*Gross Domestic Product*) bahawa Keluaran Dalam Negeri ~~Kasar~~ telah meningkat dari sebanyak \$250 juta dalam tahun 1970, kepada anggaran lebih kurang sebanyak \$685 juta pada tahun ini. Pertumbuhan sebanyak 10.6 peratus ini, amatlah menggalakkan, dan dianggapkan amat baik, jika dibandingkan dengan beberapa buah negeri yang lain di Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5. Dalam Kajian Separoh Penggal

...5/-

5.

Rancangan Malaysia Ketiga, Negeri Trengganu  
mendapat peruntukan tambahan sebanyak 61 peratus,  
menjadikan jumlah peruntukan bagi seluruh  
Rancangan Malaysia Ketiga bagi Negeri Trengganu  
kepada \$1,490 juta. Jumlah ini tidak termasuk  
perbelanjaan projek-projek besar, yang sedang  
dan akan dilaksanakan oleh Petronas dalam kawasan  
Cukai dan Kerteh.

6. Petronas adalah dijangkakan akan  
mengeluarkan perbelanjaan secara pelaburan,  
dalam pembinaan lima projek besar di kawasan ini.  
Projek-projek itu ialah, membina Bandar Baru Kerteh,

melaksanakan Kompleks Perumahan Paka-Kerteh bagi pekerja-pekerjanya, membina Pusat Bekalan Petroleum di Tanjong Berhala, Cukai; mendirikan sebuah Kilang Penapis Minyak Petrol, membina sebuah Pengkalan Minyak Mentah Petroleum dan membina sebuah Pengkalan Mengangkut Gas. Rancangan membina sebuah Janakuasa Letrik yang menggunakan gas, sedang diberi pertimbangan <sup>bila</sup> dan ~~jika~~ dipersetujui akan juga dibina dalam kawasan yang sama. Petang tadi, saya telah melawat kawasan ini, untuk menyaksikan sendiri pembangunan ~~pesat~~ yang sedang dijalankan.

7.

7. Diantara projek-projek besar yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Trengganu untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-empat ialah, Rancangan Tanaman Padi untuk Nelayan, Projek Taliair Kawasan Nerus, Rancangan Lembah Marang, Projek Perparitan dan Taliair Trengganu Hilir, dan Projek Lembah Sungai Trengganu. Kerajaan Persekutuan akan memberi keutamaan dalam mempertimbangkan projek-projek ini, kerana kesemuanya akan membawa faedah yang berkesan kepada petani-petani dan pekebun pekebun kecil negeri ini. Kerajaan sentiasa

8.

memelihara kepentingan dan kebajikan rakyat  
golongan ini.

8. Di-samping itu, RISDA, FELDA, FELCRA  
dan Lembaga Trengganu Tengah, akan terus diberi  
yang besar  
peruntukan/di bawah Rancangan Malaysia  
Ke-Empat bagi mengendali dan melaksanakan  
projek masing-masing. Bagi menampung keperluan  
yang semakin bertambah, pusat-pusat kesihatan  
besar dan kelinik-kelinik desa, akan terus dibina.  
Demikianlah juga dengan bangunan sekolah-sekolah  
rendah dan menengah yang baru, serta rumah-rumah  
bagi guru-guru.

...9/-

9.

9. Bagi kaum nelayan pula, Kerajaan akan terus memesatkan bantuan subsidi dengan membekalkan nelayan-nelayan yang ingin maju, bot-bot dan moto-moto enjin, serta melengkapkan mereka dengan alat-alat penangkapan ikan yang baru dan moden. Di-bawah Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$18.6 juta telah disediakan bagi keperluan ini <sup>kerana</sup> ~~bagi~~ nelayan-nelayan di Trengganu. Saya difahamkan bahawa kaum nelayan di negeri ini menyambut baik program subsidi ini.

...10/-

10.

10. Saya menggesa nelayan-nelayan, supaya merebut peluang yang berfaedah ini. Menjalankan usaha menangkap ikan di laut secara bersendirian, memberi pendapatan yang lebih lumayan, dari semata-mata bekerja dengan majikan dalam perusahaan menangkap ikan. Nelayan-nelayan mestilah berani menjalankan perusahaan sendiri, dan mestilah berani serta sanggup berkorban dengan lebih berusaha dan rajin bekerja. Peruntukan program subsidi ini, akan ditambah lagi di bawah Rancangan Malaysia Ke Empat, *jika perlu,*

...11/-

11.

~~jika perlu~~, supaya semua nelayan-nelayan tulin yang ingin maju, di Trengganu khususnya, akan dapat bantuan di bawah program ini.

11. Di samping kemudahan program subsidi, Kerajaan sedang membina sebuah Kompleks Pendaratan Ikan di Chendering, yang akan dapat digunakan pada pertengahan tahun 1982. Kompleks ini, akan menyediakan kemudahan mengangkut dan memasarkan hasil-hasil tangkapan kaum nelayan. Sebuah lagi kompleks serupa ini, akan dibina di Kuala Besut, yang akan juga siap pada masa yang sama. Selain dari mengadakan kemudahan penyelidikan

12.

pembiakan ikan, dan membina sebuah institut  
*Kerajaan akan juga*  
pembangunan nelayan, ~~lain-lain program perikanan,~~  
~~termasuklah~~ meluaskan projek pukat tunda dan  
projek penangkapan ikan laut dalam yang boleh  
disertai oleh nelayan-nelayan di Trengganu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Inilah gambaran yang dapat saya  
berikan, mengenai kepesatan pembangunan Negeri  
Trengganu dalam beberapa tahun yang akan datang ini.  
Memandangkan kepada bilangan projek-projek besar  
dan kecil, yang sedang dan akan dilaksanakan

13.

di Negeri Trengganu, maka kemajuan yang akan dicapai tentu akan dapat meningkatkan lagi ekonomi negeri ini. Kita dapat menjangkakan bahawa Negeri Trengganu ~~akan mengalami~~ <sup>mempunyai</sup> masa depan yang amat cemerlang, dan penduduk-penduduk negeri ini akan dapat menikmati kemakmoran yang lebih tinggi lagi.

13. Rakyat Negeri Trengganu akan dapat melihat perubahan besar ini, dalam bentuk corak pembangunan dan kegiatan ekonomi. Dengan perancangan yang terator, serta pelaksanaan yang licin dan sempurna, Negeri Trengganu akan muncul

14.

sebagai salah sebuah negeri yang termaju di Malaysia.  
dicapai  
Taraf ini mungkin akan dapat / sebelum akhir  
dekad lapan puluhan. Insya Allah.

14. Saya menggesa semua pihak, supaya  
mencurahkan segala tenaga dan fikiran, serta  
berusaha dengan penuh semangat dedikasi, bagi  
menjadikan hasrat dan cita-cita ini sebagai kenyataan.  
Persefahaman dan perpaduan di kalangan pegawai  
dan kakitangan Kerajaan dan badan-badan berkanun  
di semua peringkat, perlu diwujudkan bagi meningkatkan  
lagi keupayaan jentera peraksanaan. Pemimpin-  
pemimpin masyarakat dan Wakil-Wakil Rakyat,

15.

hendaklah menunaikan tugas dan kewajiban mereka masing-masing, dalam <sup>menchapai</sup> ~~menjayakan~~ matalamat ini.

Peranan sektor swasta memanglah amat penting,

dan mereka hendaklah bersama-sama membantu

dan menyokong Kerajaan kearah pencapaian

hasrat ini. Penglibatan dan penyertaan mereka

adalah perlu, bagi mencapai kejayaan yang dicita-citakan

itu.

15. Sambil kita menunai dan menjalankan

tanggungjawab kita melaksanakan projek dan

rancangan-rancangan ini, marilah kita juga

bersama-sama berusaha mengubahkan sikap

16.

dan pemikiran rakyat, terutamanya penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan pantai, khususnya petani dan nelayan.

Adalah amat penting mereka ini mengubah sikap dan pemikiran, supaya mereka akan dapat bersama-sama menerima perubahan yang pasti akan berlaku itu.

Mereka ini, mestilah bersiap sedia dari sekarang untuk menerima perubahan ini. Dengan jalan ini, maka tidaklah mereka itu kelak akan <sup>di</sup>tinggalkan oleh zaman kemajuan.

...17/-

17.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan

berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi


penghargaan kepada semua pihak yang terlibat

dalam lawatan <sup>saya</sup> ~~resmi~~ ini. Saya mendoakan


<sup>semua</sup> mereka / selamat maju jaya.

Terima kasih.

\*\*\*\*\*



130m -



No Siri	474
No Penerimaan	164/80